

AMALAN DAN PENDEKATAN BIMBINGAN PENGAJARAN PENSYARAH DALAM PROGRAM MENTORING PRAKTIKUM SERTA IMPAKNYA TERHADAP KUALITI GURU PELATIH

Syed Ismail Syed Mustapa
Ketua Unit Praktikum IPG Kampus Ilmu Khas

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji amalan dan pendekatan bimbingan pengajaran pensyarah dalam program mentoring praktikum serta impaknya terhadap kualiti guru pelatih. Sampel kajian ini adalah 53 orang guru pelatih dari Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas (IPGK IK) yang mengikuti kursus Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (PKMB), Pendidikan Khas Masalah Pendengaran (PKMD) dan Pendidikan Seni Visual (PSV). Kajian ini menggunakan pendekatan explanatory mixed method dengan menggunakan instrumen soalselidik sebagai rujukan utama dan data kualitatif sebagai data tambahan. Kajian mendapati bahawa amalan bimbingan pengajaran pensyarah yang paling dominan bagi kursus PKMB dan PSV adalah dalam aspek kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Bagi kursus PKMD, bimbingan pengajaran yang paling dominan adalah dalam aspek pengetahuan dan kefahaman. Pendekatan bimbingan yang paling dominan diamalkan bagi kursus PKMB adalah pendekatan tingkahlaku terarah. Bagi kursus PKMD dan PSV, pendekatan yang paling dominan adalah pendekatan kolaboratif. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa amalan bimbingan yang dilaksanakan oleh pensyarah telah memberikan kesan terhadap kualiti guru pelatih dalam aspek kemahiran pengajaran, profesionalisme keguruan, dan pengetahuan dan kefahaman. Kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan antara amalan dan pendekatan bimbingan pengajaran pensyarah dalam program mentoring praktikum mengikut kursus yang diambil oleh guru pelatih.

Kata Kunci: Bimbingan Praktikum, pendekatan bimbingan praktikum, penyeliaan dalam praktikum, mentoring praktikum.